

**TEKS UCAPAN**  
**YDH DIG TAN SRI RAZARUDIN BIN HUSAIN,**  
**TIMBALAN KETUA POLIS NEGARA**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN SEMINAR PROGRAM**  
**PERLINDUNGAN SAKSI TAHUN 2023**  
**PADA 14 JUN 2023 (RABU)**  
**DI HOTEL MAGELLAN, KOTA KINABALU, SABAH**

Terima kasih Tuan dan Puan Pengacara Majlis,  
Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

YDH CP Datuk Jauteh Dikun,  
Pesuruhjaya Polis Sabah

YBhg. Tuan Khairul Anwar bin Zakaria @ Abdul Hamid,  
Ketua Pengarah,  
Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri

YDH SAC Mat Zani @ Mohd Salahuddin bin Che Ali,  
Timbalan Ketua Pengarah,  
Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri

Warga Bahagian Perlindungan, JPM (BPJPM), Polis DiRaja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pejabat Setiausaha Persekutuan Negeri Sabah, Jabatan-Jabatan dan Agensi-Agensi Kerajaan di Sabah serta para peserta Seminar. Selamat datang ke sesi Seminar Program Perlindungan Saksi Tahun 2023 yang pada kali ini diadakan di negeri Sabah.

YBhg. Datuk, Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

2. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Bahagian Perlindungan, Jabatan Perdana Menteri (BPJPM) kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Seminar Program Perlindungan Saksi Tahun 2023 di Kota Kinabalu, Sabah. Mengambil kesempatan ini, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada BPJPM kerana dapat menganjurkan program ini sebagai satu tanda komitmen Kerajaan dalam menjunjung dan mendaulatkan undang-undang yang menjadi salah satu asas kerukunan negara ini. Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696) merupakan satu-satunya Akta yang memperuntukkan satu program perlindungan saksi yang disenggarakan oleh Ketua Pengarah BPJPM bagi menangani gejala ugutan dan ancaman kepada saksi-saksi penting dalam sesuatu kes jenayah berat terutamanya kes jenayah terancang / sindiket dan melibatkan kepentingan awam.

3. Sebagai Timbalan Ketua Polis Negara, saya sedia maklum mengenai peruntukan perundangan yang khusus bagi perlindungan saksi demi memastikan kemaslahatan saksi dari aspek keselamatan dan bantuan selaras dengan Seksyen 5, Akta 696. Perlindungan ini tidak terhad kepada saksi tersebut malah meliputi keluarga dan sesiapa jua yang berkemungkinan besar terjejas dan terancam ekoran pemberian maklumat oleh saksi berkenaan terhadap pihak berkuasa penyiasatan dan pendakwa.

4. Seperti mana Tuan/Puan sedia maklum, bahawa Kerajaan amat komited dalam menegakkan *rule of law* iaitu mendaulatkan undang-undang yang lahir dalam Perlembagaan Persekutuan yang luhur. Semua rakyat tidak mengira pangkat, peringkat mahu pun kedudukan tidak kebal dan tidak boleh mengatasi undang-undang. Kedaulatan undang-undang didukung oleh badan perundangan, kehakiman dan eksekutif yang cekap dan tidak dipengaruhi antara setiap badan-badan ini. Kerajaan dari semasa ke semasa sentiasa memastikan undang-undang di negara ini dikuatkuasakan seadilnya dan dalam masa yang sama akan berusaha memperbaiki, meminda dan memansuhkan mana-mana peruntukan yang dilihat berat sebelah dan lapuk.

5. Dalam konteks BPJPM yang telah memasuki tahun ke-13 penubuhannya, pencapaian prestasi melindungi saksi daripada sebarang ancaman dengan kawalan keselamatan sentiasa berada pada tahap 100%, tanpa kecelakaan dan kecuaiian. Kejayaan menguruskan saksi dalam memberi perlindungan sehinggalah saksi memberi keterangan di mahkamah dan pasca proses penghakiman sekali pun, BPJPM sentiasa berjaya melaksanakannya. Kejayaan ini juga pada masa yang sama turut dibantu oleh pasukan-pasukan sahabat daripada PDRM termasuklah IPK Sabah yang sentiasa membantu BPJPM ketika diperlukan. Kita sebagai agensi Kerajaan wajar saling berganding-bahu dan bekerjasama dalam apa jua keadaan bagi melindungi dan memastikan negara Malaysia tercinta ini sentiasa aman dan harmoni.

6. Tidak dinafikan, Malaysia berazam untuk berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju, malah ada beberapa sektor di negara ini yang lebih hebat di peringkat antarabangsa. Oleh demikian, adalah perlu kerjasama strategik peringkat antarabangsa dilaksanakan oleh BPJPM

dengan bantuan strategik daripada PDRM khususnya dalam meningkatkan kualiti perkhidmatan. Mungkin, pada suatu masa, Malaysia mampu menjadi hab perlindungan saksi yang ulung, sekali gus menaikkan nama BPJPM dan PDRM di mata dunia.

7. Akhir kata, dengan lafaz yang mulia, Bismillahirrahmannirahim **saya merasmikan Seminar Program Perlindungan Saksi Tahun 2023 di Kota Kinabalu, Sabah.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Wahidayah Wassalamualaikum Warahmatuillahi  
Wabarakatuh.